

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**EXECUTIVE TALK UTeM
(PROF. DATO' DR. ASMA ISMAIL)**

**8 Julai 2020 (Rabu), 8.30 pagi
Dewan Audi Canselori UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Asma Ismail

Pengucapnama program *Executive Talk* kali ini,

Pegawai-Pegawai kanan universiti, staf, hadirin dan hadirat
sekalian.

1. Pertama sekali, marilah kita melafazkan rasa syukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan Inayah dan Kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini bersempena Program *Executive Talk*, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Saya, mewakili seluruh warga Universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Asma Ismail kerana sudi memenuhi jemputan sebagai pengucap-tama program *Executive Talk* kali ini.
3. Walaupun pelaksanaan program pada kali ini agak berbeza kerana norma baharu dan pematuhan terhadap SOP Perintah Kawalan Pergerakan, namun, program ilmu seumpama ini wajar diteruskan dalam apa cara sekalipun.

Sebagai makluman Ybhg. Dato' dan hadirin sekalin, walaupun kehadiran peserta dihadkan di Auditorium ini, namun program pada pagi ini boleh ditonton oleh seluruh warga Universiti dan pelayar internet menerusi Facebook UTeM secara langsung.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Penganjuran Program Wacana seumpama ini merupakan platform terbaik bagi tokoh-tokoh negarawan, ilmuan dan cendhiawakan negara untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman meluas bersama seluruh warga Universiti dalam menyokong pembangunan modal insan yang lebih cemerlang.

5. Alhamdulillah, bermula dari tahun 2014, UTeM telah berjaya menganjurkan beberapa siri program perkongsian ilmu, dari kalangan pengucaptama terkemuka seperti Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Yang Berbahagia Tan Sri Prof. Dr. Dzulkifli Razak dan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid Omar.

6. Pada hari ini, UTeM berasa amat bertuah kerana dapat meneruskan program bermanfaat ini menerusi perkongsian dari Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Asma Ismail menerusi topik perkongsian yang amat menarik dan relevan dengan kita semua iaitu "Where is Higher Education Heading Post COVID 19".

Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

7. Sebelum kita mempersilakan Y.Bhg. Dato' untuk menyampaikan perkongsian beliau, izinkan saya untuk mengambil sedikit masa tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk kita sama-sama menelusuri latar belakang pengucaptama kita pada hari ini.

- Profesor Dato' Dr. Asma yang dilahirkan di Jitra, Kedah merupakan tokoh ilmuan yang tidak asing lagi di dalam

sektor pendidikan tinggi. Beliau merupakan senior saya di Kolej Tunku Kurshiah dan sahabat karib yang saya anggap seperti kakak saya sendiri.

- Prof. Asma merupakan Naib Canselor wanita pertama di USIM dan USM, juga wanita pertama yang pernah dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. Sehingga kini,

beliau masih kekal sebagai wanita pertama yang memegang jawatan Presiden Akademi Sains Malaysia dan Pengerusi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

- Pada masa ini, Prof. Asma masih meneruskan penglibatan yang aktif di dalam bidang penyelidikan menerusi pelantikan sebagai Profesor Kehormat di Institute for Research in Molecular Medicine, USM dan Felo Penyelidik di

Biotechnology Research Institute, Universiti Malaysia, Sabah.

- Dalam bidang akademik, Prof. Asma memiliki BSc. Biologi dari University of Nevada, Reno, Ijazah Sarjana Mikrobiologi dari Indiana University, Bloomington, seterusnya Ph.D dalam bidang *Cellular and Molecular Biology* dari University of Nevada, Reno, Amerika Syarikat.

- Kepakaran beliau dalam bidang Mikrobiologi disumbangkan menerusi penyelidikan saintifik sehingga berjaya menghasilkan 13 paten dan mengkomersilkan Rapid Diagnostic Test For Typhoid atau TYPHIDOT yang memenuhi standard dan piawaian WHO.

- Sumbangan beliau dalam penyelidikan Typhoid juga diiktiraf oleh Pusat Sains Negara dan beliau tersenarai di antara Saintis Wanita -Malaysia Hall of Fame.
- Sebagai seorang penyelidik, Prof. Asma telah menerbitkan lebih daripada 131 makalah, menerima lebih dari 213 anugerah dan pengiktirafan, menyampaikan lebih dari 425 makalah termasuk 376 ceramah dan pleno jemputan serta 39 ucapnama di peringkat nasional dan antarabangsa.

- Di atas kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi, Prof. Asma telah terpilih ke Akademi Sains Malaysia pada tahun 2003, terpilih ke *The Academy of Sciences for the Developing World* (TWAS) pada tahun 2010 dan *The Islamic World Academy of Sciences* pada tahun 2016.

- Selain itu, beliau turut menerima pengiktirafan sebagai *Honorary Member of The Iranian Academy of Medical Sciences, Member of the College of Fellows, Keele University* dan *Governing Advisory Board Member, for Ritsumeikan Asia Pacific University, Japan.*

- Sebagai penghargaan di atas kepemimpinan dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat di peringkat Komanwel, terutama terhadap golongan wanita di samping perkhidmatan cemerlang dalam memajukan pendidikan tinggi, sains dan teknologi di Malaysia, beliau telah dianugerahkan sebagai Honorary Fellow of the Commonwealth of Learning pada September 2019 dan Honorary Scholar for Institute for Applied System Analysis Vienna, Austria pada 2019.

- Institusi Terkemuka turut mengiktiraf Prof. Asma menerusi penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains dari Universiti Glasgow; Doktor Ijazah Kehormat, Universiti Keele; Doktor Kehormat Sastera dari Kyoto University of Foreign Studies; serta turut diangkat sebagai University's Thomas Hart Benton Mural Medallion.

- Walaupun aktif di peringkat antarabangsa, Prof. Asma tidak pernah alpa untuk terus menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan akademia di negara ini. Beliau merupakan perintis dalam penubuhan Anugerah Akademik Negara yang berprestij, penubuhan Universiti Penyelidikan di Malaysia dan turut memberikan sumbangan yang amat besar dalam penghasilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013 -2025.

- Di atas sumbangan unggul dalam sektor pendidikan tinggi, di samping penyelidikan dan inovasi khususnya bidang Sains dan Teknologi diperingkat lokal mahupun global, maka Negara telah mengiktiraf beliau sebagai Tokoh Srikandi (Akademik) pada tahun 2018 dan Tokoh Maulidul Rasul 2019.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

8. Banyak lagi kejayaan dan kecemerlangan Prof. Asma yang tidak sempat saya kongsi sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, perundingan, dan bidang kepakaran beliau.

9. Di atas faktor kecemerlangan dan kegemilangan inilah, maka hari ini kita amat bertuah kerana dapat bersama-sama

21

mendengar perkongsian yang bakal disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Asma Ismail sebentar sahaja lagi.

10.Diharapkan, sesi perkongsian ini dapat memberi inspirasi, meluaskan lagi pengetahuan dan pengalaman kita bersama menerusi ilmu-ilmu baharu dan pengalaman-pengalaman terbaik yang bakal dikongsikan.

Pohon berangan berteduh serama,

Subur merimbun Bunga Melati;
Ilmu dikongsi manfaat bersama,
Anjakan warga, membina universiti.

11. Dengan ini, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik
Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh